

**PEJABAT PENDAFTAR**

Rujukan Kami : UPSI/PEND/BG1/600.12 (42)  
Tarikh : 21 Mac 2024  
10 Ramadan 1445H

**SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN**

YBhg. Datuk/ Dato'/ Profesor/ Tuan/ Puan,

**IKLAN PENGISIAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL  
PELAJAR DAN ALUMNI) UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) ingin mempelawa kakitangan di Universiti YBhg. Datuk/ Dato'/ Profesor/ Tuan/ Puan yang berminat dan berkelayakan untuk mengisi jawatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) di Universiti ini.
3. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Profesor/ Tuan/ Puan, tarikh tutup permohonan adalah pada **15 April 2024 (Isnin)**. Permohonan hendaklah dialamatkan kepada:

**Pendaftar**

**Pejabat Pendaftar**

**Aras 2, Bangunan Canselori**

**Universiti Pendidikan Sultan Idris**

**35900 Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan**

4. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, sila hubungi Encik Nazar Mohd Zahidi bin Mohd Azahar, Timbalan Pendaftar, Bahagian Governan di talian 05-4506811 atau e-mel kepada [governan@upsi.edu.my](mailto:governan@upsi.edu.my). Kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Profesor/ Tuan/ Puan untuk memanjangkan hebahan ini kepada kakitangan di Universiti masing-masing amatlah dihargai.

Sekian untuk tindakan YBhg. Datuk/ Dato'/ Profesor/ Tuan/ Puan selanjutnya.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(HELMI ZAIFURA BIN ABDUL RAHMAN)**

Pendaftar  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

s.k Fail





**IKLAN JAWATAN  
TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAJ PELAJAR & ALUMNI)  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)** merupakan sebuah Universiti Awam di Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan dan memenuhi kriteria untuk mengisi jawatan tersebut:

**MAKLUMAT JAWATAN**

Jawatan	: Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Kumpulan Perkhidmatan	: Pengurusan Tertinggi
Gred	: Gred Utama (B) (VU6)
Jadual Gaji	: Minimum - RM 8,315.00  Maksimum - RM22,445.00
Tempoh Lantikan	: Satu (1) hingga tiga (3) tahun (Tertakluk kepada Keputusan Kementerian Pendidikan Tinggi)
Taraf Lantikan	: Secara Pertukaran Sementara atau Pelantikan Pinjaman atau Pelantikan Sementara atau Pelantikan Secara Kontrak
Kelayakan	: Sekurang-kurangnya telah memegang jawatan Prof. Madya dengan kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) atau setaraf serta berpengalaman memimpin dan mengurus Pusat Pengajian/ Fakulti/ Jabatan.

## **1. KRITERIA PEMILIHAN**

Pemilihan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) secara umumnya mestilah berasaskan kepada kriteria-kriteria seperti berikut:

### **i. Kecemerlangan Akademik**

Penyandang mestilah mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwaspit, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam perkhidmatan profesional.

### **ii. Pengiktirafan Antarabangsa**

Penyandang mestilah mendapat pengiktirafan antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.

### **iii. Kebolehan Memimpin dan Mengurus**

Penyandang mestilah mempunyai kemahiran memimpin yang boleh menerajui transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan dalam penyelidikan inovasi. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan interpersonal yang mantap. Pengalaman dan rekod kecemerlangan dalam kepimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.

### **iv. Reputasi**

Menjadi contoh terbaik kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan rekod cemerlang yang diiktiraf serta disanjung baik dan dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.

### **v. Personaliti**

Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, kerja berpasukan serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.

**vi. Lain-lain kriteria yang difikirkan sesuai berdasarkan *niche area UPSI***

- a) Penyandang mestilah mempunyai hala tuju yang jelas untuk menjayakan visi dan misi UPSI sebagai PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN.
- b) Penyandang mestilah berupaya mengamalkan, menghayati dan membudayakan enam (6) Nilai Bitara UPSI iaitu:
  - Berintegriti
  - Profesional
  - Semangat Berpasukan
  - Berorientasikan Pelanggan
  - Perihatin Kebajikan Anggota
  - Kreatif dan Inovatif

## **2. KRITERIA KHUSUS**

Kriteria khusus jawatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) berdasarkan Garis Panduan dan Kriteria Pemilihan Timbalan Naib Canselor IPTA adalah seperti berikut:

**i. Berkemampuan menguruskan urusan berkaitan pembangunan dan perkhidmatan pelajar;**

Mempunyai pengalaman dalam mengurus perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan dan perkhidmatan Pelajar. Penyandang bertanggungjawab menyelia aktiviti yang dianjurkan oleh Persatuan dan Badan Pelajar terutamanya Majlis Perwakilan Pelajar agar sebarang aktiviti yang dilaksanakan selari dengan matlamat penubuhan universiti dan tidak bercanggah dengan dasar-dasar Kerajaan. Penyandang juga akan bertanggungjawab memastikan perkhidmatan pelajar seperti penginapan, kesihatan khidmat kaunseling dan lain-lain aspek perkhidmatan Pelajar sentiasa terjamin.

**ii. Aktif dalam ko-kurikulum dan berpengetahuan dalam mereka bentuk dan melaksanakan ko-kurikulum berkredit serta program pembangunan pelajar secara holistik;**

Mempunyai kemahiran dalam mereka bentuk ko-kurikulum berkredit berteraskan hasil pembelajaran (LO) dan kemahiran Insaniah (KI) serta aras taksonomi pembelajaran yang selaras dengan atribut afektif yang perlu dihasilkan melalui aktiviti ko-kurikulum. Calon perlu mempunyai pengalaman dalam menterjemah ko-kurikulum berkredit kepada program memperkasakan pelajar serta berupaya memberi kesedaran, dorongan dan galakan kepada pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti ko-kurikulum dalam usaha melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

**iii. Penglibatan dalam jawatankuasa yang berkaitan Hal Ehwal Pelajar;**

Penyandang jawatan ini akan terlibat dalam Jawatankuasa Kebajikan Pelajar, Jawatankuasa Tata tertib Pelajar dan jawatankuasa-jawatankuasa lain yang berkaitan dengan hal ehwal pelajar. Oleh yang demikian, penyandang mestilah seorang individu yang *service-oriented* dan sentiasa bersedia mendekati pelajar bagi menjaga kebijakan mereka tidak kira siang ataupun malam. Penyandang juga perlu mempunyai pengetahuan dalam bidang psikologi dan kaunselling/ rundingcara sebagai asas untuk mendekati pelajar dan mengetahui permasalahan mereka.

**iv. Berpengalaman dalam menguruskan Asrama/ Desa Siswa/ Dewan /Kolej Penginapan Pelajar;**

Calon mestilah mempunyai asas pengurusan Asrama/ Desa Siswa/ Dewan/ Kolej Kediaman Pelajar di universiti. Calon juga mestilah mempunyai kemahiran dalam penyelesaian masalah bagi menjaga keharmonian dan kesejahteraan pelajar agar perkhidmatan yang disediakan ini dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif.

**v. Mempunyai jaringan hubungan yang luas serta dihormati dari kalangan Alumni;**

Calon mestilah mempunyai hubungan yang luas serta dihormati dalam kalangan alumni. Ini adalah kerana alumni adalah penting sebagai salah satu teras kepada pembangunan dan kemajuan Universiti.

### **3. CARA MEMOHON**

3.1 Calon yang berminat hendaklah mengemukakan surat permohonan dengan menyertakan bersama dokumen - dokumen seperti berikut:

- a) Surat permohonan rasmi
- b) Borang CV Kepimpinan Timbalan Naib Canselor Universiti Awam (Mohon isi seperti format yang diberikan) di Lampiran A
- c) *Curriculum Vitae (CV)* yang terkini beserta gambar berukuran pasport
- d) *Key Performance Indicators (KPI)* dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPSI
- e) Borang Kriteria Timbalan Naib Canselor UPSI di Lampiran B
- f) Dokumen sokongan lain yang berkaitan

- 3.2 Sebarang pertanyaan sila hubungi:

**En. Nazar Mohd Zahidi bin Mohd Azahar**

Ketua

Bahagian Governan

Jabatan Pendaftar

Universiti Pendidikan Sultan Idris

No. Tel: 05-450 6957/ 6811 / 6930

E-mel: governan@upsi.edu.my

- 3.3 Permohonan yang lengkap beserta dengan salinan-salinan sijil akademik dan lain-lain dokumen sokongan hendaklah dihantar kepada:

**PENDAFTAR**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**35900 TANJONG MALIM**

**PERAK DARUL RIDZUAN**

- 3.4 Hanya pemohon yang disenarai pendek sahaja akan dijemput untuk sesi temubual. Pemohon yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam masa tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
- 3.5 Tarikh tutup permohonan ialah pada **15 April 2024 (Isnin) jam 12.00 tengahari**.

**LAMPIRAN A****Guide to applicants.**


- i. Each applicant is **required to complete** this Leadership Curriculum Vitae (CV);
- ii. The maximum limit of this Leadership CV is **five (5) pages only (excluding this page)**; and
- iii. Additional attachments are not allowed.

# LEADERSHIP CURRICULUM VITAE (CV)

## A. PERSONAL INFORMATION

Particulars	Details
Full Name	
Date of Birth/Age	
Place of Birth	
NRIC Number	
Handphone Number	
Email address(es)	

Profile Picture



## B. CURRENT EMPLOYMENT INFORMATION

Particulars	Details
Position and Grade	
Employment Status (Permanent/ Contract/ Secondment/ Others)	
Employer	
Date of Retirement/ Age	

## C. ACADEMIC QUALIFICATIONS AND PROFESSIONAL AFFILIATIONS

(in reverse chronological order)

Level	Course / Field of Specialization	Year	Institution
<b>Example</b> PhD (Doctor of Philosophy)	Chemical Engineering	2005 -2008	University of Oxford
C.Eng. FICHEM E (Chartered Engineer, Fellow of Institution of Chemical Engineers)	Chemical Engineering	2017-till date	Institution of Chemical Engineers

## D. ANNUAL ASSESSMENT REPORT (LNPT)

(the last three (3) years only)

Year	Score

## E. SCOPUS SCHOLAR CITATIONS

Particulars	Information
Citations / No. of Documents	
H-index	
Profile link	

## F. EXPERTISE AND SPECIALIZATION

Fields of Expertise	Areas of Specialization

## G. TEN (10) MOST SIGNIFICANT PUBLICATIONS

(Academic publications only: journals, books, policy papers etc.; newspaper/magazine articles, media appearances. The publications are within the last seven (7) years from the date of application)

Year	Publication Details (Author, Paper Title, Journal Name, Publisher, Volume, Pages)	Significant Impact
<u>Example</u>	2020 Abdullah, J.J. and Abdullah, K.K. <i>Higher Education Leadership in Malaysia: A Critical Assessment of the Current Situation</i> . Journal of Higher Education (Elsevier), 24(1), 202-238.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Was listed as a benchmark literature for the National Higher Education Review, to chart a new direction of higher education in Malaysia.</li> <li>Suggested a clear competency-based leadership framework that later was adopted by the Higher Education Leadership Academy (AKEPT).</li> <li>Cited more than 250 times in Google Scholar.</li> </ul>

## H. UNIVERSITY MANAGEMENT AND ADMINISTRATION EXPERIENCES

(Key University Positions - Vice Chancellor, Chief Executive Officer, Rector, Deputy Vice Chancellor, Assistant Vice Chancellor, Deputy Rector, Director and Dean only)

Position	University	Date / Year	Term (Duration in Years)	Significant Contributions (3 Major Contributions, If Relevant)
<b>Example</b>  Director Center of Alumni, Careers and Graduate Employability (ACE)	USM	March 2016 – Jun 2020	4 years 3 months	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Initiated and launched ADaGE (ACE's Dashboard for Graduate Employability) for USM to monitor center-specific GE performance.</li> <li>• Initiated and launched WeLead alumni portal. Received more than 18,000 subscriptions after 7 days, overall subscription of more than 37,000 by end of 2017.</li> <li>• Rebranding of USM Career Expo (EksPen) into an impactful and profitable venture, together with Penang State Government.</li> </ul>

## I. APPOINTMENTS / SECONDMENTS IN LOCAL AND OVERSEAS ORGANIZATIONS / AGENCIES

Position	Organization	Date / Year	Term (Duration in Years)	Significant Contributions (3 Major Contributions, If Relevant)
<b>Example</b>  Deputy Director	Higher Education Leadership Academy (Agency under Ministry of Higher Education, MOHE)	July 2019- Jun 2021	2 years 0 months	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Provided specific consultancy effort to aid MOHE in the National Higher Education Review exercise 2021; 28 new initiatives were derived, with strategically designed initiatives, approved by the Ministry of Higher Education for specific objectives.</li> <li>• Improvement of the AKEPT Leadership framework and the assessment center instrumentation for National Top Talent profiling. Derived and implemented AKEPT's new 'strategic training and assessment requirement' (STAR) for managing Tier-1 and Tier-2 talent pools.</li> </ul>

**J. POSITIONS HELD IN BODIES / ORGANIZATIONS OUTSIDE THE UNIVERSITY**

<b>Position</b>	<b>Organization</b>	<b>Date / Year</b>	<b>Term (Duration in Years)</b>	<b>Significant Contributions (3 Major Contributions, If Relevant)</b>
<b><u>Example</u></b>				
Chairperson	X-Ray Applications Malaysia (XAPP Malaysia)	Feb 2017- Feb 2019	3 years 2 months	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Initiated the Industry-XAPP young researcher award in the area of Materials and Physics. This award attracted 81 applications of the 2021 edition.</li> <li>• Involved in the making of 'Malaysian Standard of Ore Characterization' Guideline (2018). Two chapters of the 11-chapter guideline were provided by XAPP set committees.</li> <li>• Successfully organized the 10<sup>th</sup> International Conference on X-Rays and Related Techniques 2018 (ICXRI 2018); 223 participants, approximately 40% international participation and XAPP profit of more than RM 70k.</li> </ul>



NAMA :  
 JAWATAN :  
 UNIVERSITI :

**KRITERIA UMUM DAN KRITERIA KHUSUS  
JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAH PELAJAR DAN ALUMNI) DI UPSI**

**A) KRITERIA UMUM (PEMILIHAN TIMBALAN NAIB CANSELOR UNIVERSITI AWAM)**

BIL	KRITERIA	MAKLUMAT (DIPOHON MENYERTAKAN SEGALA INPUT ATAU SUMBANGAN BERKAITAN DENGAN KRITERIA MENGIKUT GLOSARI DIBERI)
1.	<b>Kecemerlangan Akademik</b>  Penyandang mestilah mendapat <i>command of respect</i> dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwacana, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam perkhidmatan profesional.	
2.	<b>Pengiktirafan Antarabangsa</b>  Penyandang mestilah mendapat pengiktirafan antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.	

3.	<p><b>Kebolehan Memimpin dan Mengurus</b></p> <p>Penyandang mestilah mempunyai kemahiran memimpin yang boleh menerajui transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan dalam penyelidikan inovasi. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan interpersonal yang mantap. Pengalaman dan rekod kecemerlangan dalam kepimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.</p>	
4.	<p><b>Reputasi</b></p> <p>Menjadi contoh terbaik kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan rekod cemerlang yang diiktiraf serta disanjung baik dan dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.</p>	
5.	<p><b>Personaliti</b></p> <p>Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, kerja berpasukan serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.</p>	.

**B) KRITERIA KHUSUS (PORTFOLIO TIMBALAN NAIB CANSELOR HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)**

BIL	KRITERIA	MAKLUMAT (DIPOHON MENYERTAKAN SEGALA INPUT ATAU SUMBANGAN BERKAITAN DENGAN KRITERIA MENGIKUT GLOSARI DIBERI)
1.	<p><b>Berkemampuan menguruskan urusan berkaitan pembangunan dan perkhidmatan pelajar;</b></p> <p>Mempunyai pengalaman dalam mengurus perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan dan perkhidmatan Pelajar. Penyandang bertanggungjawab menyelia aktiviti yang dianjurkan oleh Persatuan dan Badan Pelajar terutamanya Majlis Perwakilan Pelajar agar sebarang aktiviti yang dilaksanakan selari dengan matlamat penubuhan universiti dan tidak bercanggah dengan dasar-dasar Kerajaan. Penyandang juga akan bertanggungjawab memastikan perkhidmatan pelajar seperti penginapan, kesihatan khidmat kaunseling dan lain-lain aspek perkhidmatan Pelajar sentiasa terjamin.</p>	
2.	<p><b>Aktif dalam ko-kurikulum dan berpengetahuan dalam mereka bentuk dan melaksanakan ko-kurikulum berkredit serta program pembangunan pelajar secara holistik;</b></p> <p>Mempunyai kemahiran dalam mereka bentuk ko-kurikulum berkredit berteraskan hasil pembelajaran (LO) dan kemahiran Insaniah (KI) serta aras taksonomi pembelajaran yang selaras dengan atribut afektif yang perlu dihasilkan melalui aktiviti ko-kurikulum. Calon perlu mempunyai pengalaman dalam menterjemah ko-kurikulum berkredit kepada program memperkasakan pelajar serta berupaya memberi kesedaran, dorongan dan galakan kepada pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti ko-kurikulum dalam usaha melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.</p>	

3.	<p><b>Penglibatan dalam jawatankuasa yang berkaitan Hal Ehwal Pelajar;</b></p> <p>Penyandang jawatan ini akan terlibat dalam Jawatankuasa Kebajikan Pelajar, Jawatankuasa Tatatertib Pelajar dan jawatankuasa-jawatankuasa lain yang berkaitan dengan hal ehwal pelajar. Oleh yang demikian, penyandang mestilah seorang individu yang <i>service-oriented</i> dan sentiasa bersedia mendekati pelajar bagi menjaga kebijakan mereka tidak kira siang ataupun malam. Penyandang juga perlu mempunyai pengetahuan dalam bidang psikologi dan kaunselling/ rundingcara sebagai asas untuk mendekati pelajar dan mengetahui permasalahan mereka.</p>	
4.	<p><b>Berpengalaman dalam menguruskan Asrama/ Desa Siswa/ Dewan /Kolej Penginapan Pelajar;</b></p> <p>Calon mestilah mempunyai asas pengurusan Asrama/ Desa Siswa/ Dewan/ Kolej Kediaman Pelajar di universiti. Calon juga mestilah mempunyai kemahiran dalam penyelesaian masalah bagi menjaga keharmonian dan kesejahteraan pelajar agar perkhidmatan yang disediakan ini dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif.</p>	
5.	<p><b>Mempunyai jaringan hubungan yang luas serta dihormati dari kalangan Alumni;</b></p> <p>Calon mestilah mempunyai hubungan yang luas serta dihormati dalam kalangan alumni. Ini adalah kerana alumni adalah penting sebagai salah satu teras kepada pembangunan dan kemajuan Universiti.</p>	